

Headline Tak percaya khabar duka  
Date 20. Aug 2008  
Media Title Harian Metro  
Section Setempat  
Circulation 336603  
Readership 2192000

Language MALAY  
Page No 8  
Article Size 349 cm2  
Frequency Daily  
Color Full Color  
AdValue 4487.36



Ibu, dua anak maut nahas

# Tak percaya khabar duka

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denin dan Hadzlihadhy  
Hassan

**P**UCHONG: Seorang warga emas yang mulanya menyangka berita menyayat hati yang disampaikan kepadanya hanya gurauan akhirnya dengan berat hati terpaksa menerima khabar sedih mengenai kematian isteri dan dua anaknya dalam kemalangan di Meranti Jaya di sini, semalam.

Abdul Jalil Yusof, 64, pada mulanya tidak dapat menerima kenyataan, malah menganggap panggilan telefon dibuat seorang pegawai polis untuk memaklumkan berita sedih itu hanya gurauan individu nakal yang tidak dikenalnya.

Dalam kejadian jam 1 tengah hari itu, pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang, Inspektor Zaidi Hashim yang menghubungi Abdul Jalil dimarahi lelaki itu kerana disangka cuba mereka-reka cerita palsu

bagi menakut-nakutkannya. Bagaimanapun selepas diminta bertenang dan dijelaskan kejadian itu, barulah lelaki berkenaan mempercayai kemalangan ngeri terbabit benar-benar menimpa isteri dan dua anaknya yang ketika itu dalam perjalanan menziarahi kubur anak sulungnya di Sepang.

Ketua Polis Trafik Selangor, Superintendan Che Hussin Omar, berkata kemalangan berlaku ketika ketiga-tiga mangsa baru selesai menziarahi kubur ahli keluarga ter-

dekat di Tanah Perkuburan Islam Meranti Jaya, Puchong, tengah hari semalam.

Menurutnya, mangsa, Azmi Abdul Jalil, 33, adiknya, Norhidayu Abdul Jalil, 23, dan ibu mereka, Minun Aman, 50, menaiki sebuah Perodua Kancil untuk pulang ke rumah mereka di Pandan Jaya, Ampang.

"Azmi memandu Perodua Kancil berkenaan melalui Jalan Putra Perdana berhampiran Kawasan Perindustrian George Kent, Meranti Jaya, sebelum dirempuh sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Naza Ria.

"Maklumat awal mendapati pemandu kenderaan Naza Ria terbabit memandu laju sebelum kenderaannya hilang kawalan dan melanggar penghadang di tengah jalan," katanya.

Menurutnya, kejadian itu menyebabkan kenderaan Naza Ria milik Universiti Putra Malaysia (UPM) itu me-

lambung sebelum merempuh kereta mangsa yang datang dari arah bertentangan.

"Kereta mangsa hampir hancur akibat pelanggaran itu menyebabkan ketiga-tiga mangsa tersepit dalam kenderaan. Akibat kejadian itu, pihak polis terpaksa mendapatkan bantuan bomba dan penyelamat Cyberjaya untuk mengeluarkan semua mayat mangsa yang tersepit.

"Semua mangsa yang meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala kemudian dihantar ke Hospital Serdang untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurutnya, pemandu Naza Ria terbabit bagaimanapun menghilangkan diri sejurus kemalangan sebelum menyerah diri di Ibu Pejabat Polis daerah Sepang pada jam 1.45 tengah hari.



AZMI...terbunuh

NORHIDAYU...maut



**HANCUR**  
...keadaan kereta Perodua Kancil yang dinaiki tiga mangsa bersepai selepas bertembung dengan Nazaria di Puchong, tengah hari semalam.